

Faktor yang Mempengaruhi Pengurusan Kewangan Mahasiswa Prasiswazah: Kajian Kes di Universiti Islam Selangor

Factors Affecting Financial Management of Undergraduates Students: Case Study in Universiti Islam Selangor

**Nurauliani Jamlus Rafdi*, Nor Suhaily Bakar, Safura Ahmad Sabri dan Ahmad Faisal
Alimi Roshadi**

Universiti Islam Selangor

**Penulis koresponden: nurauliani@kuis.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah di Universiti Islam Selangor (UIS). Faktor yang terlibat dalam kajian ini adalah literasi kewangan, sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan. Kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan persampelan mudah menjadi pilihan pengkaji yang melibatkan set borang soal selidik yang mengandungi 20 item berskala likert sebagai instrumen kajian. Responden melibatkan 310 orang pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) di UIS. Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 22 telah dipilih pengkaji untuk menganalisis data yang diperolehi menggunakan kaedah analisis deskriptif dan regrasi berganda. Hasil kajian mendapati literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa manakala sumber pembiayaan tidak mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa.

Kata kunci: Pengurusan Kewangan; Literasi Kewangan; Sumber Pembiayaan dan Pengurusan Perbelanjaan

Received:
Nov 7, 2023

Accepted:
Nov 16, 2023

**Online
Published:**
Nov 30, 2023

ABSTRACT

The aim of this study is to identify factors that influence financial management among undergraduate students at Universiti Islam Selangor (UIS). Factors involved in the study are financial literacy, sources of fund and spending management. Quantitative method using convenience sampling survey is adopted by the researchers which involves a set of questionnaires containing 20 likert-scale items as an instrument of this study. The respondents involved 310 Diploma and Bachelor's Degree students at the Faculty of Management and Muamalah (FPM), UIS. The Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22 software was selected by researchers to analyze the data obtained using descriptive analysis and multiple regression methods. The results of the study found that financial literacy and spending management influenced the financial management of undergraduate students meanwhile funding sources did not affect the financial management of undergraduate students.

Keywords: *Financial Management; Financial Literacy; Funding Sources and Spending Management*

PENGENALAN

Pengurusan kewangan peribadi individu adalah sangat penting kerana ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan kewangan individu (Chavali et al., 2021). Selain itu, pengurusan kewangan bagi individu perseorangan atau berkeluarga turut penting untuk memastikan kehidupan mereka menjadi lebih tersusun. Tambahan pula, pengurusan kewangan adalah komponen penting dimana seseorang individu mestilah menggunakan wang dengan betul dan cekap sebaik sahaja mereka memperolehnya (Yohanes et al., 2018). Ini kerana amalan pengurusan kewangan yang lemah telah membawa kepada kejadian krisis kewangan (Yohanes et al., 2018). Golongan muda pula sering kali dikaitkan dengan isu pengurusan kewangan yang kurang baik kerana kekurangan kemahiran pengurusan kewangan serta gaya hidup yang terlalu materialistik dan minat membeli-belah (Hassan Sabri & Alavi, 2019). Ini selari dengan dapatan kajian Salamon dan Lee (2012), yang menunjukkan bahawa pelajar masih tidak cekap mengurus kewangan mereka kerana mereka tidak pasti apa yang mereka perlukan dan inginkan. Menurut statistik Jabatan Insolvensi, daripada 251,554 kes muflis sejak 2019 hingga Ogos 2023, hampir 20 peratus daripadanya membabitkan golongan belia berumur bawah 35 tahun (BH Online). Jumlah muflis dalam kalangan belia ini turut membimbangkan masyarakat dan seharusnya ilmu pengurusan kewangan diterapkan kepada mereka sejak awal lagi.

Terdapat banyak penyelidikan telah dijalankan ke atas mahasiswa universiti dan ramai pengkaji mendapati pengurusan kewangan pelajar universiti adalah lemah (Barjoyai & Fairuz, 1996; Rubayah et al., 2015; Noor A'lim, 2005). Selain itu, Rubayah et al. (2015) mendapati tahap purata literasi kewangan (pengetahuan) dalam kalangan pelajar adalah rendah. Keputusan kajian tersebut menunjukkan ramai pelajar tidak dapat menguruskan belanjawan mereka dan tahap perbelanjaan pelajar sentiasa lebih tinggi daripada tahap pendapatan mereka. Bagi pelajar yang mempunyai pengetahuan pengurusan kewangan pula,

kebanyakannya tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam pengurusan kewangan mereka (Sosooshian & Tan, 2014).

Selain itu, corak perbelanjaan pelajar universiti dianggap unik berbanding kategori pelajar lain dalam sektor pendidikan (Bona, 2017). Perbelanjaan pelajar universiti telah meningkat mengikut peredaran masa (Norain et al., 2017). Ini kerana selain perlu berhadapan dengan kenaikan harga yang berterusan dalam pasaran ekonomi, barangan lain seperti komputer riba dan telefon pintar turut meningkat yang mana produk ini amat penting untuk sesi pembelajaran pada masa kini. Terdapat juga pelajar yang dilihat kurang mahir dalam pengurusan perbelanjaan semasa di universiti seperti dapatan yang diperolehi Bakar et al. (2019), yang mana beliau mendapati pelajar kerap menggunakan wang sejeurus menerima pinjaman pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tanpa berfikir panjang dengan membeli keperluan peribadi yang kurang penting berbanding tuntutan akademik mereka. Hal ini menunjukkan keberkesanan pelajar dalam menguruskan sumber kewangan yang diperolehi daripada pembiayaan pengajian mereka masih lemah.

Dalam isu menguruskan sumber pembiayaan yang diperolehi pelajar seperti PTPTN, MARA dan lain-lain, setelah sebahagian wang digunakan untuk membayar hutang pengajian, sebilangan besar mahasiswa di universiti menghabiskan baki biasiswa atau pinjaman yang diterima sebelum semester berakhir (Sabri & McDonald, 2010). Pelajar perlu sedar bahawa mereka seharusnya merancang kewangan dengan teliti sehingga tamat semester terutamanya dalam pengurusan sumber pembiayaan yang diberi supaya tidak mengganggu fokus pengajian. Sebaliknya, jika mahasiswa gagal dalam menguruskan sumber pembiayaan yang diberi, mereka terpaksa membuat kerja sambil bagi mendapatkan wang dan mengakibatkan pengurangan tumpuan ketika di kuliah akibat daripada tidak cukup tidur ataupun ponteng kuliah untuk bekerja (Aisyah & Wajeeha, 2016).

Secara umumnya, kajian berkaitan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa harus dilakukan berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Walaupun terdapat banyak kajian yang mengkaji pengurusan kewangan di institusi pengajian tinggi di Malaysia namun kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Contohnya kajian oleh Aisyah dan Wajeeha (2016) yang mana kajian ini lebih kurang sama namun responden kajian tersebut adalah mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah di IPTA iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Namun bagi kajian ini, hanya mengambil kira skop responden mahasiswa prasiswazah di IPTS iaitu di FPM, UIS. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menentukan faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa prasiswazah yang melibatkan tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor literasi kewangan, sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tingkah laku pengurusan kewangan adalah keupayaan seseorang untuk mengatur, merancang, belanjawan, menyemak, mengurus, mengawal, mencari dan menyimpan dana untuk keperluan harian (Azib et al., 2021). Kesan keinginan seseorang untuk memenuhi keperluan hidup mengikut tahap pendapatan yang diperolehi ditunjukkan dalam tingkah laku pengurusan kewangan mereka (Kholilah & Iramani, 2013). Rahayu et al. (2022) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai tingkah laku pengurusan kewangan akan mengelakkan risiko krisis kewangan. Ramadhan dan Asandimitra (2019) mendedahkan bahawa pengurusan kewangan boleh dikaitkan dengan pemerolehan, pembiayaan, dan pengurusan aset. Bagi mahasiswa yang sudah berumur 18 tahun ke atas, mereka dianggap sudah mampu memahami definisi pengurusan kewangan kerana mereka telah memperoleh sejumlah wang daripada

pembiayaan pengajian mereka. Selaras dengan konsep ini, Xiao (2008), mendefinisikan tingkah laku pengurusan kewangan sebagai tindakan menguruskan kewangan dan aset lain dengan berkesan. Menurut beliau lagi, sebagai seorang mahasiswa, mereka dianggap sudah matang dan seharusnya mempunyai ilmu pengurusan kewangan bagi memudahkan mereka mengatur perbelanjaan sepanjang pengajian sehingga tamat pengajian.

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan literasi kewangan sama ada di dalam dan di luar negara. Literasi kewangan adalah pengetahuan dan pemahaman tentang konsep dan risiko kewangan, serta kemahiran dan sikap untuk menerapkan pengetahuan dan pemahaman sedemikian untuk membuat keputusan yang berkesan dalam pelbagai konteks kewangan, untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan individu dan masyarakat, dan untuk membolehkan penyertaan dalam kehidupan ekonomi (OECD, 2019). Seperti yang dilaporkan dengan lebih terperinci dalam Lusardi (2015), terdapat empat aspek inovatif definisi ini yang perlu ditekankan. Pertama, literasi kewangan tidak hanya merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman tetapi juga tujuannya, iaitu untuk menggalakkan pengambilan keputusan yang berkesan. Kedua, tujuan celik kewangan adalah untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan seperti meningkatkan simpanan atau mengurangkan hutang. Ketiga, celik kewangan mempunyai kesan bukan sahaja kepada individu tetapi juga masyarakat. Keempat, celik kewangan, seperti membaca, menulis, dan pengetahuan sains, membolehkan golongan muda mengambil bahagian dalam kehidupan ekonomi.

Kajian Zuriana dan Rosniyati (2012) mendapati apabila ilmu pengurusan kewangan peribadi diberikan kepada pelajar, ia dapat membantu pelajar menjadi individu berhemah dalam merancang kewangan serta berkemampuan membuat perancangan kewangan yang stabil. Selain itu, Aisyah dan Wajeeha (2016) serta Salbiah et al. (2018) menyatakan literasi kewangan atau pengetahuan kewangan adalah penentu dan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Menurut Dahlia et al. (2009), pelajar-pelajar program sarjana muda didapati mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah yang boleh membawa kepada amalan pengurusan kewangan peribadi yang lemah. Bagi kajian di luar negara pula iaitu di Amerika Syarikat, menunjukkan bahawa mahasiswa yang kurang literasi kewangan terdedah kepada pembuatan keputusan kewangan yang kurang bijak (Chen & Volpe, 2002). Oleh yang demikian, mahasiswa digalakkan untuk mendapatkan ilmu pengurusan kewangan seawal yang mungkin demi mencapai kesejahteraan kewangan pada masa hadapan.

Pembiayaan dalam pendidikan semakin ditekankan kerana ia dapat meningkatkan pencapaian prestasi pelajar dan pertumbuhan ekonomi (Saedah Siraj et al., 2008). Sumber pembiayaan pendidikan atau pembiayaan pengajian adalah pendanaan yang diperoleh daripada ibu bapa, biasiswa, dana kerajaan atau syarikat swasta, pinjaman PTPTN, pinjaman bank, zakat dan lain-lain (The Centre online, 2019). Sebagai pelajar di IPT, mahasiswa harus cekap dalam menguruskan pembiayaan yang diperoleh atau sumber pembiayaan ini menerusi ilmu pengurusan kewangan agar perbelanjaan mencukupi sepanjang tempoh pengajian di universiti. Dalam aspek kecekapan menguruskan sumber pembiayaan pengajian oleh mahasiswa, Rubayah et al. (2015) mendapati jenis pembiayaan pendidikan tidak mempengaruhi literasi kewangan pelajar. Selari dengan dapatan oleh Aisyah dan Wajeeha (2016), yang mendapati sumber pembiayaan adalah tidak signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan bagi mahasiswa prasiswazah namun signifikan kepada mahasiswa pascasiswazah. Berkaitan pengurusan perbelanjaan semasa di IPT, ia merupakan sesuatu yang kritikal kerana jika salah berbelanja akan menyebabkan berlakunya masalah kewangan seterusnya menjadi salah satu faktor tekanan dalam kalangan mahasiswa. Kajian oleh Rhys et al. (2003) menunjukkan tiga faktor utama yang boleh menyebabkan tekanan dalam kalangan

mahasiswa ialah akademik, masa dan kewangan. Menurut beliau lagi, kewangan merupakan faktor kedua terbesar yang menyebabkan mahasiswa tidak menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi.

Dalam pengurusan kewangan, perbelanjaan merupakan satu elemen penting yang merangkumi bagaimana untuk mengurus wang melalui simpanan, pelaburan (Sirine & Utami, 2016) dan mengurus perbelanjaan harian pelajar. Pelajar turut perlu mempunyai suatu sistem perancangan pengurusan kewangan yang berkesan agar pengurusan perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik. Sabri dan McDonald (2010) menjelaskan keperluan dan gaya hidup pelajar semasa di IPT menentukan hala tuju pengurusan dan corak perbelanjaan pelajar terbabit. Pengurusan corak perbelanjaan pelajar adalah berbeza mengikut jantina, semester dan lokasi penginapan pelajar berdasarkan kajian terhadap pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang (Fairus Muhamad Darus, 2009). Dapatan kajian turut mendapati terdapat perbezaan pengurusan corak perbelanjaan antara lelaki dan perempuan dalam perbelanjaan telefon, perkhidmatan dan pembelian barangan. Selain itu, pengurusan perbelanjaan adalah berbeza di antara pelajar tahun awal dan pelajar yang berada pada tahun akhir (Netty Zahura, 2006). Tambahan lagi, Aisyah dan Wajeeha (2016) turut mendapati pengurusan perbelanjaan adalah tidak signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan bagi mahasiswa prasiswazah namun signifikan kepada mahasiswa pascasiswazah.

Berdasarkan perbincangan di atas, tiga hipotesis telah diwujudkan iaitu:

- H1: Literasi kewangan mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah.
- H2: Sumber pembiayaan mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah.
- H3: Pengurusan perbelanjaan mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memperoleh data, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan persampelan mudah serta menggunakan instrumen borang soal selidik. Borang soal selidik telah disebarkan dengan menggunakan aplikasi *whatsapp*, telegram dan emel kepada semua mahasiswa prasiswazah di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), UIS. Mahasiswa prasiswazah FPM dipilih sebagai responden kerana mahasiswa prasiswazah FPM telah didedahkan dengan beberapa subjek berkaitan pengurusan kewangan seperti statistik dan perakaunan sepanjang pengajian mereka di UIS. Namun hanya 310 sahaja yang telah memberi maklumbalas dan seterusnya data dianalisis bagi membuat pengujian hipotesis yang telah dibina pada awal kajian. Kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah yang mana sasaran sebenar atau jumlah populasi adalah seramai 1591 orang. Menurut Roscoe (1975), saiz sampel yang lebih besar daripada 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai untuk kebanyakan penyelidikan atau dalam penyelidikan multivariat (termasuk analisis regresi berganda), saiz sampel hendaklah beberapa kali (sebaik-baiknya sepuluh kali atau lebih) daripada bilangan pemboleh ubah dalam kajian. Responden yang memberi maklum balas dalam kajian ini adalah seramai 310 orang maka jumlah ini mencukupi berdasarkan kriteria yang dicadangkan oleh Roscoe (1975) bagi mendapatkan hasil yang baik untuk menjawab objektif kajian.

Borang soal selidik telah diolah oleh pengkaji berdasarkan kajian Norain et al. (2017) yang melibatkan tiga pemboleh ubah tidak bersandar (faktor literasi kewangan, sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan) dan pemboleh ubah bersandar (pengurusan kewangan). Contoh

soalan berkaitan dengan faktor literasi kewangan adalah “Saya mengikuti apa jua aktiviti atau program berkaitan literasi kewangan supaya memperoleh ilmu pengetahuan demi pengurusan kewangan berhemah dan seterusnya membentuk hidup sejahtera”. Contoh soalan yang diutarakan kepada responden berkaitan faktor sumber pembiayaan pula adalah “Saya menghabiskan baki biasiswa/pinjaman/pemberian ibubapa yang diterima sebelum semester berakhir”. Manakala contoh soalan berkaitan dengan faktor pengurusan perbelanjaan adalah “Saya mengutamakan keperluan akademik seperti buku teks”. Selain itu, contoh soalan yang melibatkan pembolehubah bersandar (pengurusan kewangan) adalah “Saya membuat catatan duit keluar dan masuk supaya dapat mengehadkan perbelanjaan yang tidak perlu”. Kesemua soalan adalah berbentuk skala likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju.

Setelah semua data diperoleh, pengkaji telah memilih kaedah analisis deksriptif dan regresi berganda serta pengujian hipotesis bagi menjawab objektif kajian ini. Kebolehpercayaan konstruk instrumen yang dibina dalam kajian ini turut diuji dengan melakukan analisis alfa cronbach. Didapati nilai bagi ujian tersebut melebihi daripada 0.5. Menurut Pallant (2010), jika sesebuah kajian mempunyai kurang daripada 10 item, agak sukar untuk mendapatkan nilai alfa yang tinggi. Dalam kes sedemikian, nilai alfa > 0.5 dianggap boleh diterima (Pallant, 2010). Ini selari dengan Sekaran (2003), nilai alfa cronbach mestilah lebih besar daripada 0.5. Sehubungan dengan itu, nilai alfa cronbach yang diguna pakai dalam kajian ini adalah 0.5 dan ke atas seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Ujian kebolehpercayaan

Pembolehubah	Bilangan soalan	Nilai Alfa Cronbach
Pengurusan kewangan	5	0.822
Literasi kewangan	5	0.640
Sumber pembiayaan	5	0.517
Pengurusan perbelanjaan	5	0.607

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Deskriptif

Terdapat 310 responden yang terlibat dalam kajian ini dan pengkaji memilih kaedah analisis deskriptif untuk menghuraikan latar belakang 310 responden yang melibatkan maklumat demografi iaitu jantina, umur, taraf pengajian, semester pengajian dan sumber pembiayaan. Jadual 3 adalah hasil analisis bagi latar belakang responden. Menerusi skor yang diperoleh daripada Jadual 3, jumlah responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 188 orang (61%) berbanding lelaki iaitu seramai 122 orang (39%).

Kumpulan umur yang tertinggi adalah mahasiswa yang berada dalam kumpulan umur 22 hingga 23 tahun iaitu seramai 108 orang (35%). Selain itu, terdapat 91 orang (29%) yang merangkumi kumpulan umur 24 hingga 25 tahun serta berada dalam kumpulan umur kedua tertinggi. Seterusnya terdapat 52 orang (17%) yang berumur 20 hingga 21 tahun dan mahasiswa yang berumur 18 hingga 19 tahun pula adalah seramai 33 orang (11%). Manakala kumpulan umur yang terendah adalah seramai 26 orang (8%) yang melibatkan mahasiswa yang berumur 26 tahun ke atas.

Bagi peringkat pengajian pelajar, seramai 232 orang (75%) sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda dan 78 orang (25%) sedang mengikuti Program Diploma. Berdasarkan data yang diperolehi, keputusan menunjukkan majoriti responden adalah pelajar semester 7 dan ke atas iaitu seramai 100 orang (32%). Pelajar-pelajar semester 5 dan semester 6 adalah 87 orang (28%). Kajian ini turut mendedahkan bahawa terdapat 69 orang (22%) pelajar semester 1 dan semester 2. Manakala baki 54 orang (18%) adalah responden yang belajar di semester 3 dan semester 4.

Hasil kajian mendapati bahawa seramai 167 orang (54%) memperoleh sumber pembiayaan daripada wang pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN). Seterusnya, terdapat 102 orang (33%) yang memperoleh sumber pembiayaan daripada ibu bapa sendiri. Manakala seramai 28 orang (9%) yang memperoleh sumber pembiayaan daripada biasiswa. Selain itu, lain-lain sumber pembiayaan yang diperolehi pelajar sebagai responden dalam kajian ini hanya melibatkan seramai 13 orang (4%).

Jadual 2: Taburan demografi responden

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	122	39
	Perempuan	188	61
Umur	18 – 19 tahun	33	11
	20 – 21 tahun	52	17
	22 – 23 tahun	108	35
	24 – 25 tahun	91	29
	26 tahun ke atas	26	8
Tahap pengajian	Diploma	75	24
	Ijazah Sarjana Muda	235	76
Semester pengajian	Semester 1 – Semester 2	68	22
	Semester 3 – Semester 4	50	16
	Semester 5 – Semester 6	85	27
	Semester 7 ke atas	107	35
Sumber pembiayaan	Perbadanan Tabung Pendidikan Malaysia (PTPTN)	167	54
	Biasiswa	28	9
	Ibu bapa	102	33
	Lain-lain	13	4

Analisis Regresi Berganda

Ujian regresi berganda digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor yang menyumbang kepada perubahan dalam sesuatu pemboleh ubah bersandar (Chua, 2014). Berikut adalah hasil keputusan ujian regresi berganda yang telah diperolehi dalam kajian ini yang melibatkan tiga pemboleh ubah tidak bersandar (faktor literasi kewangan, sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan).

Hasil kajian menerusi Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai *R square* bagi pemboleh ubah tidak bersandar adalah sebanyak 0.286, manakala nilai *adjusted R square* adalah 0.279. Nilai *R square* sebanyak 0.286 menunjukkan bahawa 28.6% perubahan dalam pemboleh ubah bersandar (pengurusan kewangan) adalah disebabkan oleh perubahan yang diakibatkan oleh kombinasi ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar (literasi kewangan, pengurusan perbelanjaan dan sumber pembiayaan) tersebut.

Jadual 3: Analisis Regresi Berganda

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t-value	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
Literasi Kewangan	0.553	0.083	0.378	6.649	0.000
Sumber Pembiayaan	0.171	0.084	0.118	2.028	0.043
Pengurusan Perbelanjaan	0.235	0.078	0.162	3.013	0.003

a. Pembolehubah bersandar: Pengurusan Kewangan

R square = 0.286; $Adjusted$ R square = 0.279; F value = 40.779; Sig = 0.000

Berdasarkan Jadual 3 juga, didapati pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan adalah signifikan ($p < 0.05$) dengan nilai F sebanyak 40.779. Literasi kewangan mempunyai nilai beta 0.553 manakala pengurusan perbelanjaan mempunyai nilai beta 0.235, disamping literasi kewangan menunjukkan nilai beta yang tinggi (0.553) berbanding nilai beta (0.235) pengurusan perbelanjaan. Justeru dapat disimpulkan bahawa literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan mempengaruhi serta mempunyai hubungan signifikan positif dengan pembolehubah bersandar (pengurusan kewangan). Hubungan yang positif menunjukkan semakin tinggi literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan mahasiswa, maka semakin bagus pengurusan kewangan mahasiswa. Namun faktor yang lebih kuat mempengaruhi pembolehubah bersandar (pengurusan kewangan) ialah literasi kewangan berbanding pengurusan perbelanjaan. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu oleh Aisyah dan Wajeaha (2016) serta Salbiah et al. (2018) yang menyatakan literasi kewangan atau pengetahuan kewangan adalah penentu dan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan mahasiswa.

Selain itu, hasil kajian ini mendapati faktor sumber pembiayaan mahasiswa tidak mempengaruhi dan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar (pengurusan kewangan) kerana nilai signifikan yang diperoleh adalah 0.043 ($p > 0.05$). Hasil kajian ini bertepatan dengan Rubayah et al. (2015) apabila sumber pembiayaan pendidikan tidak mempengaruhi tahap tingkah laku kewangan pelajar. Ini turut selari dengan dapatan kajian Aisyah dan Wajeaha (2016) yang merumuskan sumber pembiayaan adalah tidak signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan bagi mahasiswa prasiswazah.

Justeru, berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, diputuskan bahawa H_1 dan H_3 diterima manakala H_2 ditolak disebabkan penemuan kajian menunjukkan bahawa hanya literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan mempunyai hubungan signifikan positif dengan pengurusan kewangan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa literasi kewangan dan pengurusan perbelanjaan mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa manakala sumber pembiayaan tidak mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa. Sementara itu, faktor yang paling mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah pula adalah faktor literasi kewangan. Justeru, pengkaji menyarankan supaya mahasiswa prasiswazah sentiasa didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan atau literasi kewangan sedari awal semester supaya mahasiswa prasiswazah dapat mengamalkan pengurusan kewangan yang baik seterusnya membantu mahasiswa menjalani kehidupan di universiti atau kolej dengan lebih sejahtera.

Selain itu, IPT turut diharapkan dapat bekerjasama dengan agensi kerajaan atau swasta untuk sentiasa menyebarkan maklumat berkaitan pengurusan kewangan yang baik sekaligus merangsang minat serta motivasi berkaitan ilmu dan perancangan kewangan dalam kehidupan mahasiswa. Pemahaman kewangan adalah aset penting yang akan membantu mahasiswa mengelakkan masalah kewangan yang berlebihan, memulakan pelaburan awal dan mencapai matlamat kewangan jangka panjang mereka. Ilmu kewangan yang diperoleh semasa pengajian boleh menjadi asas yang kuat untuk kewangan yang sihat dalam masa hadapan.

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan terima kasih buat pihak yang terlibat terutama Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS) yang telah memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Aisyah Abdul. R. & Wajeeha. Z. (2016). Faktor penentupengurusan kewangan: Kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 19 (2):85 – 94.
- Azib, Harahap, D. A., & Amanah, D. (2021). Financial management behavior: Implications of financial literacy and personality. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*.
- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2), 113-120.
- Barjoyai, B. & Mohd Fairuz, M.S. (1996). Pengurusan kewangan keluarga. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Bona, J. T. C. (2017). Spending behavior among college students, *Sci.Int.(Lahore)*, 29(4), 749-753.
- Chavali, K., Raj, P. M., & Ahmed, R. (2021). Does financial behavior influence financial well-being? *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(2), 273–280.
- Chen, H. & R. P. Volpe. (2002). Gender differences in personal financial literacy among college students. *Financial services Review* 11: 289-307.
- Chua Yan Piaw (2014). Asas Statistik Penyelidikan, Edisi Ketiga. Mcgraw-Hill Education.
- Dahlia I, Rabitah H, Zuraidah M. I. (2009). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-Cult. Commun.*, 5(4): 51-59.
- Fairus Muhamad Darus. F. (2009). Impak ekonomi perbelanjaan pelajar Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang di kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. *Proceeding of Seminar on Science, Technology and Social Science*. 313-319.
- Farah Shuhadah Razali. (2023). Pindaan akta insolvensi beri harapan baharu individu bankrap. (2023). *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain>
- Hassan Sabri, N. I., & Alavi. K. (2019). Meneroka literasi perancangan kewangan belia B40 berpandukan pendidikan psikososial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-8.
- Isu Pembiayaan Pendidikan Tinggi di Malaysia (2019). *The Centre Online*. Diperoleh daripada <https://www.centre.my/post/isu-pembiayaan-pendidikan-tinggi-di-malaysia>
- Kholilah, N. Al, & Iramani, R. (2013). Studi financial management behavior pada masyarakat Surabaya. *In Journal of Business and Banking*, 3(1).
- Lusardi, A. (2015). “Financial literacy skills for the 21st century: Evidence from PISA.” *Journal of Consumer Affairs* 49: 639–659.

- Netty Zahura, A.A. (2006). Amalan pengurusan wang di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Noor A'lim, M.Y. (2005). *Ringgit dan poket*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norain, M.A., Norlaila, A.B., Iman, A.L. & Suhaila, S. (2017). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia* (29), 63-83.
- OECD. 2019. PISA (2021). Financial literacy analytical and assessment framework. <https://www.oecd.org/pisa/sitedocument/PISA-2021-Financial-Literacy-Framework.pdf>.
- OECD. 2014. PISA (2012) Results: Students and Money (Volume VI): Financial Literacy Skills for the 21st Century. Paris: PISA, OECD Publishing. <http://dx.doi.org/10.1787/9789264208094-en>.
- Pallant, Julie. (2010). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Maidenhead: Open University Press/McGraw-Hill.
- Roscoe, J.T. (1975). *Fundamental Research Statistic for the Behavirol Science*, 2nd ed. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Rahayu, R., Ali, S., Aulia, A., & Hidayah, R. (2022). The current digital financial literacy and financial behavior in Indonesian millennial generation. *Journal of Accounting and Investment*, 23(1), 78–94.
- Ramadhan, A. Y., & Asandimitra, N. (2019). Determinants of financial management behavior of millennial generation in Surabaya. *Jurnal Minds: Manajemen Ide dan Inspirasi*, 6(2), 129.
- Rubayah, Y., Hawati, J., & Nur Ain, K. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1), 75-88.
- Rhys, D., Peter, E. & Britain. (2003). *Dropping Out: A Study of Early Leavers Education from Higher Education*.
- Sabri, M.F., & MacDonald. (2010). Savings behavior and financial problems among college students: The role of financial literacy in Malaysia. *Cross-Cultural Communication*, 6 (3),103-110.
- Saedah, S., Muhammad Faizal, A. G., & Norfariza, M. R. (2008). Isu prinsip ekuiti dalam pembiayaan pendidikan di Malaysia- Alternatif lain berdasarkan masa depan. Fakulti Pendidikan, UM.
- Salamon, H., & Lee, N. A. (2012). Kompetensi Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa: Tinjauan terhadap Pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan), UTM, Skudai [Doctoral dissertation].
- Salbiah, N. S. A., Suzana, A. R., Suhailah, I., Nurulhayah, M. & Maryam, M. E. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 9-23.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach (2nd Edition)*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sirine, H., & Utami, D. S. (2016). Faktor-faktor yang memengaruhi perilaku menabung di kalangan mahasiswa. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis*, 19(1), 27-52.
- Sosooshian, S. & Tan, S.T. (2014). Spending behavior of a case of Asian university students. *Asian Social Science*, 10(2), 64-69.
- Xiao, J. J. (2008). *Applying behavior theories to financial behavior*. In *Handbook of Consumer Finance Research* 69–70.
- Yohanes, D., Lemie Debela, K., & Shibr, W. (2018). Effect of financial management practices on profitability of small-scale enterprise: Case study Hawassa City Administration, Ethiopia. *Journal of Business and Management*, 20(6), 39-45.
- Zuriana, M. & Rosniyati, A. R. (2012). Kajian persepsi pelajar terhadap impak kursus pengurusan kewangan peribadi Jabatan Perdagangan. *Politeknik Port Dickson*.